**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**
*(Department of Skills Development)*
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA**
*(Ministry of Human Resources, Malaysia)*
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000
Faks : 03-8888 0989
*Email* : jpk@mohr.gov.my
*Website* : www.dsd.gov.my

Ruj. Kami: JPK/701/22 Jld.55 (29) Tarikh : 2 Okt. 2018

PENGURUS
**MFA COLLEGE**
**UNIT C-01-27, C-01-26, C-01-24**
**BLOK C KONDO SPRING VILLE,**
**JALAN UP1/1D**
**TAMAN UKAY PERDANA**
**68000 AMPANG**
**SELANGOR**

Tuan,

**KELULUSAN PENTAULIAHAN PUSAT DAN PROGRAM DI BAWAH PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA, JPK**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk mendapatkan pentauliahan bagi melaksanakan program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia telah diluluskan seperti berikut :

(a) Nama Pusat Bertauliah : **MFA COLLEGE**

(b) Kod Pusat Bertauliah : **L01922**

(c) Alamat Rasmi Pusat Bertauliah (sebagai premis utama latihan/penilaian) : **UNIT C-01-27, C-01-26, C-01-24**
**BLOK C KONDO SPRING VILLE,**
**JALAN UP1/1D**
**TAMAN UKAY PERDANA**
**68000 AMPANG**
**SELANGOR**

(d) Nama Syarikat Pemilik : **MFA EDUCATION SDN. BHD.**
**833559-W**

(e) Program Yang Ditauliah :

| Bil | Kod Program | Nama Program | CU | | Tempoh Pentauliahan | Kapasiti Pelatih |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Teras | Elektif | | |
| 1 | HT-013-2:2011 | Pembuatan Roti | Semua | E01 | 1 Okt. 2018 - 30 Sept. 2021 | 75 |
| 2 | HT-013-3:2011 | Pembuatan Roti | Semua | E01<br>E02 | 1 Okt. 2018 - 30 Sept. 2021 | 75 |

(f) Kumpulan Program Tauliah : **TIDAK BERKENAAN**

(g) Kategori Pentauliahan : **PERSIJILAN PROGRAM PENUH**

(h) Mod Latihan : **SEPENUH MASA**

3. Pihak PB hendaklah memastikan bilangan pengambilan pelatih mematuhi kapasiti yang diluluskan bagi program ini. PB diingatkan bahawa kapasiti pelatih yang diluluskan bagi program ini adalah jumlah pelatih tempatan dan antarabangsa (Sekiranya ada). Bagi pengambilan pelatih antarabangsa, PB hendaklah memohon kebenaran pengambilan pelatih antarabangsa dengan merujuk kepada panduan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

4. Sehubungan itu bersama ini disertakan Lampiran I – Syarat dan Peraturan Pentauliahan serta Lampiran II - Perakuan Mematuhi Syarat Dan Peraturan dan Sijil Akuan Pentauliahan. Justeru, pihak tuan hendaklah mengembalikan semula Lampiran II yang telah dilengkapkan kepada jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini.

5. Jabatan ini boleh membuat pemeriksaan ke atas pusat bertauliah pada bila-bila masa seperti diperuntukkan di dalam Seksyen 38 dan 39 Akta 652.

6. Pihak tuan juga diingatkan bahawa penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 29 Akta yang sama boleh dikenakan sekiranya pihak tuan gagal mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***
***'Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara'***

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ts NIDZAM BIN KAMARULZAMAN JSM)**
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

# JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
## *DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT*

## SIJIL PENTAULIAHAN
### *CERTIFICATE OF ACCREDITATION*

Bahawa dengan ini diperakui:

**MFA COLLEGE**
**UNIT C-01-27, C-01-26, C-01-24**
**BLOK C KONDO SPRING VILLE,**
**JALAN UP1/1D**
**TAMAN UKAY PERDANA**
**68000 AMPANG**
**SELANGOR**

**NAMA SYARIKAT PEMILIK : MFA EDUCATION SDN. BHD. (833559-W)**

**KOD PUSAT BERTAULIAH : L01922**

telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk menawar, mentadbir dan mengekalkan mutu Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi program:

| Kategori Pentauliahan | Kod Program | Nama Program | CU | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Teras | Elektif |
| **PERSIJILAN PROGRAM PENUH** | HT-013-2:2011 | Pembuatan Roti | Semua | E01 |
| | HT-013-3:2011 | Pembuatan Roti | Semua | E01<br>E02 |

**Tempoh Pentauliahan :** 1 Okt. 2018 - 30 Sept. 2021

Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

**(Ts NIDZAM BIN KAMARULZAMAN JSM)**
Ketua Pengarah

Bertarikh : 2 Okt. 2018

**P 000182**

*No. Rujukan : JPK/701/22 Jld. 55 (29)*

**LAMPIRAN I (Pindaan 1/2019)**

**SYARAT PELAKSANAAN LATIHAN MELALUI SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DALAM SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

Pusat bertauliah hendaklah :-

(a) menjalankan latihan dan penilaian bagi program bertauliah hanya di premis yang ditauliahkan dan mengikut tempoh yang diluluskan;

(b) mempunyai bahan pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi kehendak Standard dan format ditetapkan;

(c) memastikan setiap pelatih menjalankan latihan dan penilaian bagi program bertauliah berdasarkan Standard dan apa-apa panduan yang berkuatkuasa;

(d) memastikan pelatih mempunyai rekod bukti keterampilan yang sahih, boleh percaya, mencukupi dan mencakupi keperluan Standard.

(e) Mengekalkan kuantiti dan kebolehfungsian kelengkapan, peralatan dan bahan latihan (*Tool, Equipment & Materials* - TEM) yang dinyatakan dalam Standard atau syarat tambahan pentauliahan yang diluluskan;

(f) Memastikan kuantiti kelengkapan, peralatan, bahan latihan (*Tool, Equipment & Materials* - TEM) yang dinyatakan dalam Standard atau syarat tambahan pentauliahan dan kemudahan latihan mencukupi mengikut bilangan pelatih.

(g) mempunyai personel pentauliahan yang mematuhi kriteria yang ditetapkan atau diperakui perakuan pengiktirafan sebagai personel pentauliahan oleh JPK;

(h) mewujudkan jawatankuasa bagi menyelaras, menasihat dan memantau pelaksanaan latihan dan penilaian program bertauliah iaitu Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB) dan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC – *Technical Advisory Committee)*;

(i) membuat pengambilan pelatih mengikut kapasiti yang diluluskan;

(j) mengeluarkan surat tawaran kepada pelatih yang sekurang-kurangnya mengandungi tarikh surat, nama pelatih, alamat pelatih, nombor kad pengenalan pelatih, nama pusat bertauliah, kod pusat bertauliah dan.program bertauliah yang ditawarkan, alamat premis latihan, tarikh mula latihan dan tempoh latihan;

(k) mendaftarkan pelatih mengikut tempoh pendaftaran yang ditetapkan;

(l) mendapat kelulusan Ketua Pengarah berkaitan apa-apa pindaan maklumat pentauliahan seperti (i) hingga (v) –

   i. nama pusat bertauliah;
   ii. syarikat pemilik;
   iii. premis latihan;
   iv. kapasiti pelatih; atau
   v. personel pentauliahan;

(m) mempamerkan salinan asal Sijil Pentauliahan di papan kenyataan atau lain-lain tempat yang mudah dilihat oleh orang awam;

(n) mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah apa-apa bentuk iklan sebelum disiarkan;

(o) mengemukakan pembaharuan pentauliahan program tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat pentauliahan program bertauliah;

(p) membuat permohonan lawatan verifikasi PPL satu (1) bulan sebelum tarikh penilaian akhir;

(q) mengembalikan Sijil kepada JPK selepas enam (6) bulan, sekiranya Sijil tidak dituntut oleh pelatih; dan

(r) bertanggungjawab menyelesaikan semua urusan latihan, penilaian dan persijilan pelatih yang telah berdaftar di bawah JPK sekiranya pusat bertauliah gagal membuat pembaharuan pentauliahan, tidak diluluskan pembaharuan pentauliahan atau ingin menamatkan pentauliahan di bawah subseksyen 26(3).